

NOTIS SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, berdaftar sebagai Kontraktor Negeri Selangor (UPEN) dan serta berpengalaman dalam kerja - kerja berkaitan seperti berikut :-

Bil.	No. Sebutharga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebutharga	Harga
1.	DS/SUK/ICT/16-2015	SEBUTHARGA MEMPERBAHARUI LESEN SISTEM PEMANTAUAN RANGKAIN 'NETWOR MONITORING SYSTEM (ORION SOLARWINDS)' BAGI KEGUNAAN DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN DAN SEMBILAN (9) PEJABAT TANAH DAN DAERAH NEGERI SELANGOR	210104 & 210101 / 210102 / 210103 / 210105 / 210106	RM30.00

1. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga/wakil yang sah sahaja. Penyebut harga hendaklah membawa surat pendaftaran asal, serta salinan surat pendaftaran untuk rujukan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Dokumen tawaran yang berharga RM30.00 bagi satu (1) set boleh diperoleh melalui <http://tender.selangor.gov.my> atau di bahagian seperti yang tertera di bawah mulai 22 Disember 2015 hingga 5 Januari 2016. Bagi pembelian terus dari Bahagian BTM, bayaran hendaklah dibuat melalui wang pos/cek/bank draf atas nama "Bendahari Negeri Selangor" :


Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor.

2. Penyerahan dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri yang bertanda dengan Kod Sebut harga bagi tawaran kerja yang berkenaan. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga atau sekiranya melalui pos hendaklah di alamatkan kepada :

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Tingkat 18, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor

Tarikh tutup : 5 Januari 2016 jam 12.00 tengahari.

3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana - mana tawaran.



Tarikh : 21 Dis 2015

WAHILMAN SIWAR, s.m.s, A.I.S
Setiausaha Bahagian (BTM)

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. Sebutharga hendaklah dibuat di atas Borang Sebutharga (Lampiran Q) yang dilampirkan bersama dokumen ini dan tidak boleh diceraikan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran ditolak.
2. Penyebutharga dikehendaki berdaftar sebagai kontraktor dengan Kerajaan Negeri Selangor. Pendaftaran dan borang boleh didapati di Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Tingkat 4, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam, Selangor.
3. Tidak ada sebarang pertukaran (selain dari mengisi tempat kosong yang dikehendaki) boleh dibuat di mana - mana dokumen disertakan.
4. Jika ada catatan tambahan hendaklah di buat berasingan dengan ringkas untuk merujuk ke mana-mana butiran dalam dokumen.
5. Sebarang perubahan/pindaan/pembetulan di atas Borang Sebutharga perlu ditandatangani ringkas.
6. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berhak menolak dan menggugurkan mana-mana Sebutharga yang didapati :
 - a) Tidak menyertakan dokumen wajib yang diperlukan.
 - b) Tulisan atau angka-angka yang mengelirukan.
 - c) Sukar dibaca dan difahami.
 - d) Borang Sebutharga (LAMPIRAN Q) yang tidak lengkap/tidak disertakan.
 - e) Tidak mengikut atau melanggar peraturan Sebutharga (tidak mematuhi syarat-syarat).
 - f) Tidak membuat Sebutharga yang dinyatakan dalam Borang Sebutharga.
 - g) Maklumat atau jumlah wang ringgit yang dipertikaikan.
 - h) Tidak menulis nama, alamat dan maklumat Penyebutharga.
 - i) Tulisan dalam pensil.
 - j) Pengiraan jumlah yang salah.
 - k) Tidak memenuhi spesifikasi mandatori.
 - l) Tidak menjawab keterangan kerja/jadual spesifikasi dengan lengkap
7. Penggunaan cecair pemadam tidak dibenarkan untuk membuat perubahan pada harga/kadar harga. Sebarang perubahan tersebut hendaklah dibuat dengan memotong yang asal dan menulis yang baru di atasnya dan tandatangan ringkas pembetulan tersebut.
8. Penyebutharga hendaklah membaca dan memahami keseluruhan arahan-arahan di dalam bidang kerja kontrak sebelum mengisi kadar harga.
9. Penyebutharga hendaklah meletakkan harga/kadar harga dalam ruang yang ditetapkan sahaja. Tulisan hendaklah jelas, mudah dibaca/difahami dan dengan dakwat.
10. Alamat yang ditulis perlulah alamat daftar atau telah diubah dan pihak pendaftar telah diberitahu berkenaan.

SYARAT-SYARAT AM

1. TEKNIKAL DAN RUJUKAN

Berdasarkan kepada informasi yang dibekalkan, Penyebutharga dikehendaki menyerahkan satu (1) set dokumen asal yang lengkap mengikut turutan seperti di bawah dan dibahagikan antara satu perkara dengan satu perkara dengan kertas berwarna (separator):

i. Sampul A :

- ** Borang Sebutharga (Lampiran Q)
- ** Jadual Penentuan Teknikal- Jadual 1
- ** Jadual *Track Record/Senarai Pelanggan* – Jadual 2
- ** Salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
- ** Bukti pengesahan pendaftaran dengan UPEN
- ** Penyata Bank 3 bulan terakhir.
- ** Jadual Tawaran Harga – Jadual 3
- ** Profil Penyebutharga – Jadual 4
- ** Jadual Perancangan Projek Terperinci (Gantt Chart)
- ** Surat pengesahan dari Prinsipal/pengedar
- ** Profil beserta sijil pegawai/kakitangan teknikal berkelayakan
- ** Cadangan prosedur *backup & restore*
- ** *Brochure/penerangan perisian untuk dirujuk*

** : WAJIB diisi dan disertakan oleh penyebutharga. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan sebutharga DITOLAK.

Nota : Kontraktor dikehendaki menyerahkan bersama ‘soft copy’ dokumen sebutharga.

2. HAK-HAK KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Kerajaan Negeri Selangor tidak akan terikat untuk menerima sebarang Sebutharga yang terendah dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atas penolakan tersebut. Kerajaan Negeri Selangor juga mempunyai hak untuk menerima semua tawaran seperti yang terdapat dalam keseluruhan ‘schedule’ kombinasi kepada ‘schedule’ atau beberapa item mengikut budi bicaranya sendiri dan juga akan memesan kuantiti yang lebih besar atau lebih kecil jika diperlukan, kecuali harta tertentu yang telah dinyatakan/ditentukan oleh penyebutharga.

3. PERJANJIAN KONTRAK

Penyebutharga hendaklah melaksanakan perjanjian kontrak yang formal bagi kerja-kerja perolehan dengan Kerajaan Negeri Selangor dimana skop kerja **SEBUTHARGA MEMPERBAHARUI LESEN SISTEM PEMANTAUAN RANGKAIAN ‘NETWORK MONITORING SYSTEM (ORION SOLARWINDS)’ BAGI KEGUNAAN DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN DAN SEMBILAN (9) PEJABAT TANAH DAN DAERAH NEGERI SELANGOR** adalah seperti berikut:

1. Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen perisian Orion Network Performance Monitor (NPM) SLX unlimited elements-standard polling selama 1 tahun termasuk waranti dan sokongan.
2. Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen, mengemaskini, mengkonfigrasi dan menguji modul perisian Orion NetFlow Traffic Analyzer (NTA) Module.
3. Penyebutharga dikehendaki memperbaharui lesen, mengemaskini, mengkonfigrasi dan menguji modul perisian Orion Network Configuration Manager (NCM) Module.
4. Penyebutharga dikehendaki menyediakan satu *network diagram* pemantauan rangkaian di dalam Orion Network Atlas mengikut ‘amalan terbaik’ (best practice) yang dapat dipantau oleh pihak pentadbiran mengikut keperluan unit rangkaian dan keselamatan.
5. Penyebutharga dikehendaki mengkonfigurasi semula Alert Manager dan Orion Report Scheduler agar dapat mengeluarkan laporan secara berkala mengikut keperluan pentadbiran.
6. Penyebutharga dikehendaki memastikan semua peralatan rangkaian dan server yang diperlukan dapat diakses melalui servis SNMP dan Netflow untuk dimasukkan ke dalam Orion Network Performance Monitor (NPM) dan seterusnya dapat dipantau oleh pihak pentadbiran.
7. Penyebutharga dikehendaki bekerjasama dengan pembekal-pembekal lain yang terlibat dalam mendapatkan akses melalui servis SNMP dan NetFlow.
8. Penyebutharga dikehendaki membuat satu sesi latihan untuk pentadbir rangkaian berkenaan pengurusan, pentadbiran dan operasi sistem tersebut.
9. Penyebutharga dikehendaki untuk membuat Final User Acceptance Test dan pengujian lain yang berkaitan.
10. Penyebutharga dikehendaki memberi sokongan teknikal dan waranti ke atas Perisian Orion Network Performance Monitor (NPM), Orion NetFlow Traffic Analyzer (NTA) Module dan Orion Network Configuration Manager (NCM) Module dengan penyelenggaraan berkala (preventive maintenance) 2 kali setahun meliputi perisian dan perkakasan yang terlibat termasuk dua (2) buah server iaitu server untuk aplikasi Orion SolarWinds dan server untuk pangkalan data Orion SolarWinds.
11. Penyebutharga dikehendaki menyediakan laporan dan dokumentasi lengkap berkenaan penggunaan sistem tersebut.

12. Penyebutharga hendaklah memenuhi segala keperluan pensijilan ISO/IEC 27001:2005 Information Security Management System (ISMS) yang telah digunakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat.
13. Penyebutharga hendaklah menyiapkan semua kerja-kerja sebagaimana dinyatakan dalam para skop kerja dalam tempoh yang ditetapkan dari tarikh surat setuju terima tawaran sebut harga ini. (Sila rujuk lampiran Jadual Pelaksanaan yang disertakan).
14. Penyebutharga hendaklah menyertakan carta perbatuan mengenai pelaksanaan kerja-kerja ini dari tarikh Surat Setuju Terima sehingga semua aktiviti selesai dan memastikan semua modul sistem berfungsi dengan baik dan berprestasi tinggi.

4. JADUAL PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat kepada penyebutharga sebaik sahaja kerja-kerja selesai dalam tempoh yang ditetapkan dan Kerajaan Negeri berpuas hati dengan kerja-kerja yang dijalankan.

5. DENDA LEWAT BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Pembekal yang berjaya hendaklah menyempurnakan kontrak perkhidmatan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak.

Jika penyebut harga yang berjaya, gagal membekal dan menghantar barang-barang atau perkhidmatan yang dipesan di dalam tempoh yang dipesan di dalam tempoh yang dipersetujui bersama, maka denda sebanyak 0.5% daripada nilai barang atau perkhidmatan yang belum di bekal akan dikenakan bagi tiap-tiap minggu atau sebahagian minggu yang lewat di mana satu minggu bersamaan lima (5) hari bekerja.

6. LAIN-LAIN

Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak akan tertakluk kepada kandungan kontrak yang disediakan dan boleh meminda mana-mana dokumen yang tidak akan memberikan kepentingan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

7. BON PERLAKSANAAN

Bon perlaksanaan akan dikenakan untuk kontrak yang nilainya melebihi RM 200,000.00 mengikut kadar yang berkuatkuasa.

8. RINGKASAN SEBUTHARGA

Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada lampiran Q ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Tawaran Harga.

Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, *Goods and Services Tax (GST)*, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurna.

Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti, cukai kerajaan dan GST samada dalam tempoh sah sebutharga atau dalam tempoh kontrak.

9. PEGAWAI DIHUBUNGKAN

Sebarang maklumat tambahan dan pertanyaan. Penyebutharga boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut :

a. En Radi B. Mohamad

No. Tel: 03 – 5544 7904

No. Faks: 03 – 5519 1189

b. Muhammad Firdaus B. Zulkifli

No. Tel : 03 – 5544 7567

No. Faks : 03 – 5519 1189

SYARAT-SYARAT KONTRAK

1. SURAT SETUJU TERIMA

Kerajaan akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang berjaya dan Surat tersebut perlulah dikembalikan kepada Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh tujuh hari (7 hari) daripada tarikh ianya dikeluarkan.

2. TEMPOH KONTRAK

Kontrak ini dimeterai selama satu (1) tahun bermula dari tarikh menandatangani surat setuju terima. Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana jadual yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen Sebutharga ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak. Surat Setuju terima dianggap sebagai satu perjanjian kontrak sehingga dokumen kontrak ditandatangani dan kerja-kerja perlu dipatuhi berdasarkan kontrak perjanjian tersebut. Penyebutharga hendaklah membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi Syarat-Syarat Kontrak

3. BIDANG KERJA YANG DITETAPKAN

Memperbaharui lesen sistem pemantauan rangkaian ‘*Network Monitoring System (Orion SolarWinds)*’ bagi kegunaan di Pejabat Setiausaha Kerajaan dan sembilan (9) Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor seperti yang dinyatakan dalam perkara (3) Perjanjian Kontrak di dalam Syarat-Syarat Am di atas.

4. LAIN-LAIN

Pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri tidak akan tertakluk kepada kandungan kontrak yang disediakan dan boleh meminda mana-mana dokumen yang tidak akan memberikan kepentingan kepada Kerajaan Negeri Selangor.